

AMALAN PENGURUSAN SULH DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH

Suh Administration's Practices at the Department of Shariah Judiciary

Hadenan Towpek

*Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies,
UiTM Sarawak, Jalan Dato Mohd Musa,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
hadenan298@uitm.edu.my*

Ahmad Shah Affandie

*Master Candidate, Academy of Contemporary Islamic Studies,
UiTM Sarawak, Jalan Dato Mohd Musa,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
matsah1980@gmail.com*

Zaenudin Hudi Prasojo

*Professor, Institut Agama Islam Negeri Pontianak,
Jl. Letjend Suprapto No.14, Benua Melayu Darat, Kec. Pontianak Sel.,
Kota Pontianak, Kalimantan Barat 78243, Indonesia
zaestain@yahoo.com*

ABSTRACT

Nowadays *Suh* is one of the methods of Alternative Dispute Resolution (ADR) which is much appreciated in Malaysia, especially in the Shariah Court. Therefore, this article analyzes the *Suh* administration's practices at the Department of Sarawak Shariah Judiciary (DSSJ), Kuching Division, Sarawak. This study aims to three main objectives, which are analyzing the definition, theory, concept, and practices of *Suh* in Islamic jurisprudence as well as at DSSJ Kuching Division; and analyzing the administration aspect of *Suh* Unit at the same location. The study applies three categories of previous literature sources, namely 8 sources of open literature, 19 sources of special literature, and 12 official sources from agencies with jurisdiction in Shariah law

in Malaysia. Furthermore, this article uses three main methods in the data collection process: library research, interview, and document analysis. While the data collected for this study is from 2014 to 2020, which is for 7 years only. While the data analysis method uses three main methods, namely the inductive method, deductive method, and comparative method. The results of this study provide a summary of the three key findings. Firstly, the method of sulu has been successfully developed based on sources from the Qur'an, al-Sunnah, and the treasures of Islamic jurisprudence. Secondly, the sulu method is enabled as one of the methods in the ADR. Finally, this article also confirms the importance of specialization in the field of work as a Sulu Officer, especially the strengthening of soft skills such as communication skills, psychology, and counseling.

Keywords: *Alternative dispute resolution, Islamic Law, Mediation, Sulu*

PENGENALAN

Kehidupan di dunia ini sememangnya tidak terlepas daripada sebarang ujian dan cubaan sama ada yang berkaitan hal ehwal kehidupan beragama, bermasyarakat, mendirikan pemerintahan negara, mengurus kesejahteraan dan keamanan dunia serta keharmonian hidup sejagat. Bahkan dalam hal-hal yang kecil, yang rumit, yang halus menyangkut soal-soal jiwa dan spiritual juga terdedah dan terhampar dengan liku-liku ujian dan cubaan. Dalam hal ini, selaku muslim, kita boleh kaitkan dengan peringatan dan petunjuk daripada Allah SWT menerusi firmanNya dalam Surah al-Mulk (67:2), iaitu:

Yang bermaksudnya: “Dialah yang mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah antara kamu yang lebih baik amalnya, dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).” (Sheikh Abdullah Basmeih, 2002)

Dalam kehidupan bermasyarakat, kita sering kali bahkan tidak sunyi daripada membincangkan mengenai ujian, cubaan, masalah atau dengan apa-apa istilah sekalipun termasuklah istilah konflik ataupun pertikaian. Umpamanya kajian oleh Mohd. Foad Sakdan (2005) dalam bukunya bertajuk: “Pengurusan konflik”, menyatakan bahawa konflik atau pertikaian adalah sesuatu yang boleh terjadi kepada individu, kumpulan, organisasi maupun masyarakat. Konflik atau pertikaian boleh ditafsirkan dan difahami dari pelbagai sudut.

Hakikatnya konflik atau pertikaian merupakan suatu sifat semula jadi yang wujud pada manusia. Konflik atau pertikaian sentiasa bersama dan berkembang secara dinamik seiring dengan perkembangan manusia. Pemahaman terhadap konflik atau pertikaian akan memudahkan proses pengawalan, perubahan dan penyelesaian kepada masalah yang wujud.

Selanjutnya, Haliza A. Shukor *et. al* (2012) telah menyelidik berkaitan krisis rumah tangga khususnya dari aspek punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif Syariah dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Haliza *et. al* ini mengutip pandangan Abu Hasan Din al-Hafiz yang menyatakan bahawa setiap rumah tangga yang didirikan juga tidak sunyi daripada krisis dan sengketa. Krisis rumah tangga adalah suatu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga. Oleh itu, sekiranya tidak diselesaikan segera, ia boleh menjelaskan kehidupan berumah tangga bahkan akan mengakibatkan porak poranda dan perceraian. Oleh yang demikian, Islam menerangkan tentang bagaimana cara mengatasinya bagi mengelakkan penyesalan di pihak suami dan isteri.

Selanjutnya dampak persengketaan yang berlarutan bukan hanya dirasakan oleh pihak yang terlibat secara langsung bahkan individu yang tidak terlibat secara langsung juga akan merasa kesannya. Misalnya dalam konflik rumah tangga yang berlarutan, adalah tidak mustahil anak-anak akan terkena dampak psikologi dari konflik tersebut. Dalam situasi tersebut penyelesaian pertikaian dapat dilakukan dalam beberapa cara, salah satu alternatif yang lazim digunakan sebagai jalan untuk merapatkan jurang persengketaan adalah menerusi kaedah sulh atau dikenali juga sebagai pendekatan mediasi. Kaedah ini bukanlah suatu kaedah yang baru tetapi sudah lama diamalkan. Kaedah sulh amatlah penting kerana perdamaian adalah jauh lebih effektif dan efisien daripada menempuh jalan perbicaraan di mahkamah.

Justeru, berangkat dari situasi tersebut artikel ini merungkai persoalan dan isu mengenai pengurusan sulh di Jabatan Kehakiman Syariah dengan menjadikan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) Bahagian Kuching sebagai premis kajian. Seiring dengan itu juga, artikel ini akan meneliti dan menyelidiki kefahaman dan amalan sulh dalam khazanah perundangan Islam, proses pelaksanaan sulh di JKSS, dan penyampaian perkhidmatan Pegawai Sulh dalam melaksanakan proses sulh.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pada umumnya permasalahan sesuatu kajian tidaklah tersedia dengan mudah dan senang, bahkan menurut Rusli Ahmad *et. al* (2014: 49), permasalahan

kajian bukanlah suatu yang diberikan, bahkan ia adalah suatu yang dicari, dikenal pasti dan dibangunkan. Sepertimana sesuatu permasalahan kajian itu digambarkan dan dibingkaikan, maka ia memberi panduan dan menunjuk jalan seterusnya dalam menelusuri aktiviti-aktiviti penyelidikan. Pernyataan ini memberi gambaran umum senario mengenai persoalan kajian yang dilakukan ini, bahkan ia lebih memudahkan dan melancarkan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran perundangan Islam di Sarawak khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan perceraian.

Dalam hal ini, permasalahan utama yang menjadi tumpuan dalam artikel ini bertitik tolak daripada jumlah kes tuntutan di mahkamah Syariah di seluruh Sarawak dari tahun ke tahun yang semakin bertambah dan jenis kes yang berencam sedangkan jumlah pegawai jabatan yang tidak ramai. Di sinilah, pada tahun 2014, bermulanya pengenalan kepada amalan pendekatan sulh di JKSS yang membantu berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian terhadap tuntutan-tuntutan tersebut. Berdasarkan statistik tuntutan selepas perceraian di JKSS bagi tempoh dari tahun mula beroperasi pada tahun 2014 hingga 2020, data menunjukkan bahawa Bahagian Kuching mencatatkan peningkatan kes tuntutan selepas perceraian yang tinggi, sama ada permohonan di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Kuching maupun Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) Kuching. Butiran perkara ini ditunjukkan dengan lebih jelas melalui Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

Jadual 1: Data Tuntutan Selepas Perceraian Bahagian Kuching, 2014-2020
(Mahkamah Rendah Syariah Kuching)

Jenis Kes Tahun	Kes Diterima	Kes Berjaya Diselesai Secara Sulh	Kes Dimajukan Ke Mahkamah	Jumlah
2014	29	8	21	29
2015	24	5	19	24
2016	107	27	80	107
2017	77	23	54	77
2018	59	23	36	59
2019	52	18	34	52
2020	52	22	30	52
JUMLAH	400	126	274	400

Sumber: Unit Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (2023)

**Jadual 2: Data Tuntutan Selepas Perceraian Bahagian Kuching, 2014-2020
(Mahkamah Tinggi Syariah Kuching)**

Jenis Kes Tahun	Kes Diterima	Kes Berjaya Diselesai Secara Sulh	Kes Dimajukan Ke Mahkamah	Jumlah
2014	8	2	6	8
2015	79	24	55	79
2016	89	13	76	89
2017	170	49	121	170
2018	123	39	84	123
2019	113	36	77	113
2020	90	35	55	90
JUMLAH	672	198	474	672

Sumber: Unit Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (2023)

Berdasarkan paparan data Jadual 1 dan Jadual 2 di atas dapatlah difahami bahawa dari segi kadar pendaftaran kes tuntutan selepas perceraian bagi tempoh tujuh tahun (2014 hingga 2020) secara jelas dan terang memberi petunjuk kadar kenaikan yang tinggi dengan ketara. Umpamanya, pada peringkat MRS Kuching kenaikan paling tinggi pada tahun 2016 dengan jumlah kes diterima sebanyak 107 kes, iaitu kenaikan sebanyak 368% berbanding pada tahun permulaan beroperasi (tahun 2014) pada skor 29 kes. Selepas tahun 2016, didapati data menunjukkan skor yang menurun iaitu 77 kes (2017), 59 kes (2018) dan 52 kes (2019, 2020).

Sementara bagi MTS Kuching, kenaikan paling tinggi pada tahun 2017 dengan jumlah kes diterima sebanyak 170 kes, iaitu kenaikan sebanyak 2,125% berbanding pada tahun permulaan beroperasi (tahun 2014) pada skor 8 kes. Selepas tahun 2017, didapati data menunjukkan skor yang menurun iaitu 123 kes (2018), 113 kes (2019) dan 90 kes (2020).

Namun dalam masa yang sama peningkatan ini juga memberi petunjuk bahawa beban tugas yang dipikul oleh pegawai sulh semakin bertambah. Tambahan pula, Unit Sulh di JKSS yang berpusat di Bahagian Kuching hanya terdiri daripada dua orang pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan Majlis Sulh. Situasi seumpama ini lebih cenderung memberi impak kurang baik ke arah keberkesanan pengurusan pengendalian Majlis Sulh itu sendiri, selain daripada jumlah kes yang kian meningkat dari tahun ke tahun tidak seimbang dengan jumlah pegawai yang berkelayakan mengendalikan sulh.

Manakala prosedur pelaksanaan suluhan di JKSS adalah berpandukan dari punca-punca kuasa perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa pada masa tersebut; umpamanya Arahan-arahan Amalan Mahkamah Syariah dan Manual Kerja Suluhan Mahkamah Syariah/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri Seluruh Malaysia. Sungguhpun dua punca kuasa ini bersifat umum dan terpakai di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia, namun pihak Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah merangka dan menyediakan draf Kaedah Tatacara Mal Suluhan Negeri Sarawak untuk cadangan perwartaan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Selain itu, secara lebih mendalam lagi artikel ini juga mendapati bahawa tidak banyak kajian ilmiah yang membincangkan kajian kes di mahkamah syariah sama ada dari sudut undang-undang atau pentadbirannya, apatah lagi kajian yang membincangkan suluhan secara khusus. Perkara ini diakui juga oleh Puan Norsilawati binti Jamari, Pegawai Unit Suluhan JKSS, ketika sesi temubual pada 25/5/2017. Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, artikel ini menyimpulkan bahawa menjadi keperluan, kepentingan dan manfaat kajian mengenai amalan pentadbiran suluhan di JKSS ini dijalankan penyelidikan secara ilmiah.

PERSOALAN DAN OBJEKTIF

Artikel ini secara amnya adalah merupakan suatu penyelidikan ilmiah yang cuba meneliti, merungkai dan menganalisis tiga (3) persoalan utama berikut:

- a) Apakah bentuk kefahaman dan amalan terhadap suluhan dari sudut definisi, teori, konsep dan amalan Suluhan dalam perundangan Islam?
- b) Bagaimana proses perlaksanaan pengurusan suluhan di JKSS?
- c) Bagaimana peranan yang dimainkan oleh Pegawai Suluhan dalam pengurusan pengendalian Majlis Suluhan?

Bertitik tolak daripada tiga persoalan utama di atas, artikel ini berobjektifkan untuk mengkaji amalan pengurusan suluhan di JKSS Bahagian Kuching. Sementara secara khususnya, artikel ini mempunyai tiga (3) objektif khusus sebagaimana berikut:

- a) Menganalisis terhadap definisi, teori, konsep dan amalan suluhan dalam perundangan Islam;
- b) Menilai amalan suluhan di JKSS Bahagian Kuching; dan
- c) Menganalisis aspek pentadbiran Unit Suluhan di JKSS Bahagian Kuching

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Artikel ini menggunakan sorotan kajian lepas yang boleh dibahagikan pada sumber yang bersifat umum dan khusus. Sumber yang bersifat umum merujuk kepada tulisan yang hanya mengupas tema kajian secara umum, manakala sumber yang bersifat khusus adalah tulisan yang mengupas tema kajian secara spesifik. Selain itu, dibincangkan juga sumber rasmi dari agensi-agensi yang berbidangkuasa dalam perkara sulh.

Berdasarkan perbincangan mengenai sumber kajian lepas mengenai sulh, artikel ini membahagikannya kepada dua tema sumber kajian iaitu tema umum dan tema khusus. Sumber kajian lepas dalam tema umum adalah berkisar mengenai perbincangan mengenai konsep dan teori sulh secara umum yang dirumuskan daripada lapan (8) sumber utama. Manakala sumber kajian lepas dalam tema khusus pula berkisar mengenai perincian tajuk sulh khusus dari sudut aplikasi dan maksud pemakaian seksyen mengenai sulh yang boleh dirumuskan daripada sembilan belas (19) sumber utama. Selain itu, sumber literatur dari agensi-agensi rasmi yang berbidangkuasa dalam hal-ehwal perrkahwinan dan perceraian khususnya berkaitan dengan penguatkuasaan sulh, boleh dirumuskan kepada enam (6) sumber. Rumusan sumber kajian lepas dalam tiga tema ini boleh diringkaskan dan ditunjukkan dalam rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Rumusan Sumber Kajian Lepas Mengenai Sulh

TEMA UMUM	TEMA KHUSUS	SUMBER RASMI
<ol style="list-style-type: none"> 1. Haliza A. Shukor <i>et. al</i> (2012) 2. Raihanah Azahari (2006) 3. Sheikh Ghazali (2000) 4. Mohammed Abu Nilmer (2000-2001) 5. Norjihan & Nasima (2016) 6. Aseel Ramahi (2008) 7. Nur Khalidah Dahlan <i>et. al</i> (2017) 8. Said Bouheraoua (2008) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Raihanah Azahari (2004) 2. Ramizal (2005) 3. Nora Abdul Hak (2008) 4. Siti Noraini & Zulkifli (2008) 5. Hammad (2014) 6. Mohd Fuad & Jamilah (2015) 7. Raihanah Abdullah (2009) 8. Hanis Wahed (2015) 9. Zainul Rijal (2011) 10. Sa'odah & Nora (2010) 11. Muhammad Saifullah (2015) 12. Nadia Mursida & Alias (2018) 13. Hammad & Mohamad Azhan (2016) 14. Mohd Norman Shah (2008) 15. Farah Nur Anggraeni (2013) 16. Abdul Kahar (2015) 17. A. Ahmad <i>et. al</i> (2015) 18. Wan Azimin & Ahmad Hidayat (2019) 19. Majid Rahman & Azlina Azizan (2021) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak (AAKHSS), No. 3 Tahun 2002 2. AAKHSS, No. 4 Tahun 2006 3. Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak, No. 5 Tahun 2006 4. JKSS, "Etika & Peraturan Majlis Sulh" 5. JKSS, "Deraf Manual Kerja Sulh Tatacara Mal Syariah" 6. AAKHSS, No. 1 Tahun 2010 7. Ensurmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, "Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) (Terengganu)" 8. Portel E-Syariah, JKSM (2021) 9. Risalah kecil "Sulh" JKSM (2021) 10. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (2021) 11. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (2021) 12. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (2021)

METODOLOGI

Dalam konteks artikel ini, penyelidik menggunakan tiga kaedah utama dalam proses pengumpulan dan permerolehan data. Ia terdiri daripada kajian kepustakaan, kaedah temubual dan kaedah analisis dokumen. Manakala kaedah analisis data kajian pula merujuk kepada penggunaan tiga kaedah utama iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Kaedah induktif bermula dengan pemerhatian secara umum dan seterusnya teori digubal pada peringkat akhir kajian dan hasil daripada kajian yang dijalankan. Sementara kaedah deduktif pula difahami sebagai pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus. Kaedah komparatif merujuk kepada perbandingan antara beberapa aspek atau pembolehubah bagi melihat dan mendapatkan ciri-ciri perbezaan.

Selanjutnya artikel ini mengaplikasi prosedur analisis data, iaitu dengan menjelaskan bahawa penganalisaan data perlu dibuat berdasarkan jenis data. Semua data kualitatif perlu dianalisis secara naratif. Proses analisis data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen perlu dianalisis secara ‘vertical’ iaitu dari atas ke bawah, bermula daripada melihat, menyusun, menyaring, memilih, mengkelas dan mengekod (*coding*) tema-tema kemudiannya memilih kategori dan seterusnya mendapatkan kandungan teks diskripsi secara mendalam yang difikirkan telah dapat menjawab persoalan-persoalan kajian.

PERBINCANGAN

Perundangan merupakan antara medium terbaik dalam menyelesaikan pertikaian khususnya dalam masalah rumah tangga (matrimoni). Namun, perundangan boleh menjadi langkah terakhir dalam menegakkan keadilan. Dengan itu, pendekatan awal yang boleh diguna pakai adalah perundingan antara pihak yang terlibat dalam pertikaian. Umumnya, kaedah rundingan atau permuafakatan secara damai atau suluh bukanlah perkara yang baharu dalam sistem pengadilan Islam. Ia telah diamalkan semenjak sebelum Nabi Muhammad SAW diutus sebagai rasul dan terus diamalkan oleh generasi kemudian. Dalam konteks artikel ini, penyelesaian pertikaian melalui proses suluh telah diperkenalkan di JKSS dan berkuatkuasa pada tahun 2014 sehingga sekarang.

1. Analisis Terhadap Teori, Konsep dan Amalan Sulh dalam Islam

a) Definisi, Rukun dan Syarat Sulh

Menurut Ibnu Manzur (1990), sulh merupakan kata nama daripada *al-musalahah* yang bererti damai (*al-silm*) dan perkataan lawannya adalah *al-mukhasamah* iaitu saling bertikaian atau bermusuhan. Dr. Wahbah Zuhaili (2007) menukilkan dalam kitab karangannya *al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu* dalam bab *al-Sulh*, kata sulh secara etimologi bermaksud memutus dan mengakhiri perselisihan. Sedangkan secara terminologi syarak adalah suatu akad yang dibuat untuk mengakhiri suatu pertikaian atau dengan kata lain sebuah kesepakatan yang dibuat untuk mendamaikan di antara kedua belah pihak yang bertikai.

Manakala menurut Abu Bakar al-Jazairi (2011), sulh adalah perjanjian yang terjadi antara dua orang yang berselisih dengan maksud untuk menghilangkan perselisihan di antara mereka berdua. Syahrizal Abas (2010) mendefinisikan sulh sebagai satu proses penyelesaian pertikaian dimana para pihak yang terlibat bersetuju untuk menamatkan pertikaian mereka secara damai. Lebih lanjut lagi Wahbah Zuhaili (2007) menjelaskan bahawa bagi menyempurnakan amalan sulh terdapat empat rukun yang perlu dipenuhi iaitu:

- a) Pihak yang berakad: Pihak yang berakad terdiri daripada pihak menuntut yang menerima sulh dan pihak yang kena tuntut yang menganjurkan sulh. Dalam konteks kes kekeluargaan pihak-pihak yang berakad dalam Majlis Sulh biasanya terdiri daripada suami dan isteri (Raihanah Azahari, 2008).
- b) *Sighah* (ijab dan kabul): Iaitu pernyataan tawaran dan qabul penerimaan objek yang dipertikaikan. Kewujudan sighah ijab dan qabul sangat penting bagi menunjukkan wujudnya elemen reda meredai dalam menyelesaikan tuntutan kedua-dua belah pihak.
- c) Perkara yang dipertikaikan: Sulh hanya dibenarkan dalam perkara yang melibatkan hak sesama manusia manakala perkara-perkara yang melibatkan hak Allah S.W.T tidak boleh melalui proses sulh. Terdapat beberapa syarat penting berhubung dengan hak yang dipertikai. Pertama, hak yang dipertikai mestilah dimiliki oleh pihak yang menganjurkan sulh. Kedua, hak yang dituntut mestilah sesuatu yang dimaklumi oleh kedua-dua pihak yang membuat sulh. Ketiga, jika sulh yang dibuat adalah berbentuk gantian ia mestilah suatu yang harus ditukar ganti sama ada berbentuk harta atau sebaliknya (Raihanah Azahari, 2008).

- d) Pengganti sesuatu yang dipertikaikan: Objek gantian dalam pelaksanaan suluhan mestilah memenuhi beberapa syarat. Syarat-syarat tersebut adalah objek gantian tersebut mestilah sesuatu yang sah menurut hukum syarak dan diiktiraf sebagai harta. Ini dikiaskan kepada transaksi jual beli. Selain daripada itu, gantian yang berbentuk harta atau manfaat itu mestilah milik pihak yang menganjurkan suluhan. Objek gantian tersebut mestilah sesuatu yang dimaklumi kedua-dua pihak bagi mengelakkan salah faham dan ketidakpuasan hati (Raihanah Azahari, 2008).

Sementara syarat-syarat khusus suluhan pula adalah dirumuskan seperti berikut:

- a) Syarat Pelaku Suluhan, iaitu berakal. Suluhan tidak sah sekiranya dilakukan oleh orang gila dan kanak-kanak yang belum berakal kerana kedua-duanya tidak memiliki kelayakan atau kompetensi untuk melakukan suluhan. Namun ulama mazhab Hanafi mengharuskan kanak-kaak berakal melakukan suluhan setelah mendapat keizinan walinya dalam perkara-perkara yang mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak tersebut dan tidak memudaratkannya.
- b) Syarat lafaz Suluhan. Syarat utama yang menjadi keutamaan bagi lafaz suluhan adalah kewujudan lafaz penawaran (*ijab*) dan lafaz penerimaan (*qabul*) yang menunjukkan kerelaan dan persetujuan kedua-dua belah pihak untuk menjalani proses suluhan.
- c) Syarat bagi sesuatu perkara yang dipertikaikan. Terdapat dua jenis perkara yang dipertikaikan iaitu hak Allah S.W.T dan hak manusia. Para ulama bersetuju bahawa tidak dibenarkan sama sekali melakukan suluhan kepada hak Allah. Justeru itu, adalah tidak dibenarkan suluhan untuk melepaskan diri daripada hukuman zina, mencuri, meminum arak dan segala jenis hak Allah. Contohnya seorang pezina menawarkan sejumlah bayaran tertentu uagar perbuatannya tidak didakwa di mahkamah dan sekiranya perkara ini berlaku maka proses suluhan tersebut tidak sah.
- d) Syarat *badal suluhan* (gantian). Terdapat dua syarat untuk membolehkan sesuatu menjadi badal suluhan. Pertama, ia hendaklah daripada jenis harta yang bernilai pada pandangan syarak sama ada dalam bentuk barang (*ayn*), hutang ataupun manfaat. Hanya harta yang diiktiraf oleh syarak sahaja yang boleh dijadikan *badal suluhan*. Sebarang bentuk perkara yang diharamkan syarak tidak boleh dijadikan *badal suluhan*. Kedua, ia hendaklah sesuatu yang diketahui. Sekiranya digantikan dengan barang yang tidak diketahui maka suluhan tersebut tidak sah.

b) Prinsip Asas Sulh Berdasarkan Sumber al-Quran

Sementara itu, sumber al-Quran menjelaskan bahawa konflik dan pertikaian merupakan lumrah dalam kehidupan manusia. Manusia yang dipertanggungjawabkan sebagai khalifah Allah di muka bumi dituntut untuk menyelesaikan konflik kerana manusia dibekali akal dan wahyu untuk mentadbir kehidupannya. Banyak ayat al-Quran menganjurkan agar sulh dilaksanakan sebagai jalan alternatif penyelesaian konflik atau pertikaian. Perkara ini boleh dirujuk menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' (4:114) sebagaimana berikut:

Terjemahan: “*Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.*”

(Sheikh Abdullah Basmeih, 2002)

Hamka (1983) menafsirkan ayat: ﴿إِنَّمَا يُحَرِّجُكُمُ الْأَنَاسُ﴾ seperti berikut: “kerap kali terjadi perselisihan di antara orang yang disegani orang ramai tetapi tidak ada yang mahu memulai menghubungkan tali yang telah putus kerana mempertahankan martabat diri masing-masing. Alangkah baiknya kalau ada seorang yang pandai bersiasat, mempertautkan kembali di antara kedua-dua orang yang berselisih.”

Penyelesaian konflik atau pertikaian secara damai juga dianjurkan dalam Islam sebagaimana ditekankan dalam ayat al-Quran melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat (49:9-10) seperti berikut:

Terjemahan: “*Dan jika dua puak daripada orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*”

(Sheikh Abdullah Basmeih, 2002)

Sayyid Qutb (1992) menafsirkan ayat di atas seperti berikut: “Ini merupakan kaedah yang praktikal untuk memelihara orang-orang mukmin daripada permusuhan dan perpecahan. Allah SWT mewajibkan kaum mukmin lain mendamaikan kedua kelompok yang berperang. Anjuran tersebut disertai dengan seruan ke atas hati sanubari orang-orang yang beriman supaya mewujudkan ikatan yang erat sesama mereka.”

c) Prinsip Asas Sulu Berdasarkan Sumber al-Sunnah

Konsep Sulu sebagai jalan menyelesaikan pertikaian diperkuuh oleh hadis-hadis Rasulullah SAW. Antaranya ialah Nabi Muhammad SAW bersabda tentang perdamaian (*al-sulh*) dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh *al-Tirmidzi*:

عَنْ عَمْرُو بْنِ عَوْفٍ الْمُزَانِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
الصُّلُحُ جَاهِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلُحًا حَرَمٌ حَلَالًا أَوْ أَحْلَالًا حَرَامًا، وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ
إِلَّا شُرُوطًا حَرَمٌ حَلَالًا أَوْ أَحْلَالًا حَرَامًا.

Terjemahan: “Dari Amru bin Auf Al-Muzani r.a (katanya): Sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda: Perdamaian itu boleh antara orang-orang muslim, kecuali perdamaian untuk mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram; dan orang-orang muslim (dalam perdamaian) itu tergantung pada syarat-syarat mereka kecuali satu syarat yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.”

(Jami’ al-Sahih Sunan al-Tirmizi, 1352)

Menurut Abdul Rasyid Abdul Aziz (2001) dalam hadis ini sabda Rasulullah SAW ‘perdamaian itu boleh’ menunjukkan bahawa keredaan kedua-dua belah pihak adalah menjadi syarat untuk mengadakan perdamaian. Manakala menurut Alawi Abbas al-Makki (2011) pula perjanjian yang mereka buat mestilah mendatangkan kemaslahatan kepada setiap pihak yang terlibat dan tidak boleh sampai terjerumus kedalam permusuhan. Oleh itu, perjanjian ini disebutkan setelah perdamaian, namun perjanjian itu mestilah tidak menyalahi ketentuan hukum dan prinsip Islam seperti mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.

Selain itu sejarah juga mencatatkan bahawa ketika Rasulullah SAW belum diangkat menjadi Rasul pernah menjadi orang tengah atau *wasit* dalam pertikaian yang hamper-hampir menetuskan pertumpahan darah antara pembesar Quraisy. Peristiwa ini berlaku apabila para pembesar Makkah tidak mahu berolak ansur dalam pertikaian untuk menentukan orang yang akan meletakkan kembali *hajar al-aswad* ke tempat asalnya. Rasulullah SAW akhirnya dipilih untuk menyelesaikan pertikaian itu. Kalangan pembesar Quraisy kemudiannya bersepakat dan bersetuju dengan penyelesaian yang dilakukan olehnya.

d) Prinsip Asas Sulh dari Aspek Kekeluargaan

Manakala metodologi sulh dalam aspek kekeluargaan terutamanya yang melibatkan hubungan suami isteri telah pun dijelaskan dalam al-Quran al-Karim khususnya dalam ayat 35 dan ayat 128 Surah al-Nisa'. Melalui ayat-ayat ini Allah S.W.T memperuntukkan secara umum kaedah-kaedah yang pelu diikuti dalam menguruskan pertikaian yang timbul. Prinsip-prinsip ini kemudian diperincikan oleh para ulama menerusi penulisan mereka.

Dalam menangani masalah pertelingkahan di antara suami isteri, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa' (4:35):

Terjemahan: “*Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah ‘orang tengah’ (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua ‘orang tengah’ itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya.*” (Sheikh Abdullah Basmeih, 2002)

Ayat di atas boleh difahami sebagai pemberian peluang oleh Allah SWT untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara suami isteri secara kekeluargaan tanpa perlu diadili melalui sistem pengadilan formal. Dengan kata lain, masalah ini seandainya boleh diselesaikan secara kekeluargaan adalah lebih baik daripada dirujuk penyelesaiannya ke mahkamah.

Lebih lanjut lagi, Ibn Manzur (1990) mentakrifkan *syiqaq* sebagai permusuhan atau pertikaian antar dua pihak. Istilah *syiqaq* secara literal bermaksud perselisihan atau permusuhan. *Syiqaq* berasal dari perkataan *al-syaqq* yang bererti belah atau pecah. Ia bermaksud sebegitu kerana melibatkan dua belah pihak yang masing-masing berpecah dan menjadikan pihak yang

satu lagi sebagai lawan. Secara jelasnya *syiqaq* boleh diuraikan sebagai suatu keadaan dimana terdapat pergeseran meruncing antara lebih daripada satu pihak tentang sesuatu isu atau perkara. *Syiqaq* dalam rumah tangga berlaku apabila lahirnya ketidakstabilan dalam komunikasi antara suami isteri yang mengakibatkan kedua-duanya tidak dapat menunaikan hak-hak dan kewajiban sebagaimana mestinya menurut perintah agama.

e) Peranan Hakam dalam Majlis Sulh

Berkaitan dengan persoalan hakam yang dipilih, para ulama berbeza pendapat dalam menentukan wakil kedua belah pihak suami isteri. Menurut al-Zamakhsyari, dua orang *hakam* yang disebutkan dalam ayat tersebut (Surah al-Nisa', 4:35) hendaklah daripada kalangan keluarganya kerana keluarga itu lebih mengetahui perkara yang berlaku dan suami isteri lebih bersifat terbuka untuk meyelesaikan masalah mereka. Al-Alusi berpendapat diutamakan hakam itu daripada kalangan ahli keluarga kerana mereka lebih cenderung mendamaikan dan mengetahui inti persoalan. Namun ia hanya suatu keutamaan sahaja. Adalah harus melantik pihak yang bukan dari kalangan keluarga.

Sementara menurut Hamka (1983), *hakam* yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah “penyelidik duduk perkara yang sebenarnya sehingga mereka dapat mengambil kesimpulan, kedua *hakam* itu diutus oleh ketua masyarakat kaum muslimin atau keluarga terdekat kedua belah pihak. *Hakam* pihak laki-laki menyelidiki pendirian si laki-laki dengan saksama, *hakam* pihak perempuan menyelidiki pendirian si perempuan dengan saksama pula. Setelah lengkap diketahui mereka bertemu kembali lalu soal itu dikaji dengan kepala dingin.”

Namun tidak kurang juga pihak yang berpendapat bahawa *hakam* yang dimaksudkan adalah pemerintah (penguasa). Walaupun wujud perbezaan pendapat ulama tentang yang dimaksudkan siapakah yang dimaksudkan dengan *hakam* dalam ayat tersebut, perkara yang penting adalah pengutusan *hakam* bertujuan mengelak perceraian diantara suami isteri. Dalam erti kata lain *hakam* berperanan untuk mendamaikan pertikaian yang berlaku dan mengembalikan keharmonian dalam kehidupan rumah tangga suami isteri.

2. Analisis Amalan Sulh di JKSS Bahagian Kuching

a) Menerapkan Prinsip-Prinsip Asas Majlis Sulh

Beberapa prinsip asas dalam pelaksanaan sulh dapat dirangkumkan seperti berikut:

- i) Kerahsiaan. Semasa menjalankan Majlis Sulh, pegawai sulh perlu memaklumkan kepada pihak-pihak bahawa kerahsiaan Majlis Sulh tersebut sangat diberi perhatian oleh piak mahkamah untuk memberi keyakinan kepada pihak-pihak dalam menyampaikan maklumat termasuk sebarang masalah, kekurangan, kelebihan cadangan atau sebarang peyelesaian kepada konflik yang mereka hadapi.
- ii) Peluang sama rata untuk bercakap kepada kedua-dua pihak. Kedua-dua pihak perlu diberi peluang yang sama rata untuk bercakap dan menyatakan keperluan dan tuntutan mereka bagi memberi keadilan kedua-dua belah pihak.
- iii) Kenyataan pihak-pihak lahir daripada kehendak sendiri. Oleh sebab Majlis Sulh hanya melibatkan pihak-pihak yang bertikai tanpa kehadiran pihak ketiga seperti peguam atau ahli keluarga atau sahabat handai maka pihak-pihak boleh membuat keputusan atas kehendak sendiri tanpa dipengaruhi oleh pihak-pihak lain.
- iv) Proses yang seragam dan anjal. Walaupun Majlis Sulh tidak dilaksanakan dalam kerangka prosedur yang ketat ia merupakan proses perundingan secara terpimpin dan seragam menurut garis panduan yang dinyatakan dalam manual kerja sulh. Walau bagaimanapun, prosesnya lebih anjal dan bergantung kepada budi bicara pegawai sulh yang terlibat.
- v) Hak yang diperbincangkan menepati hukum syarak dan undang-undang. Hak-hak yang diperbincangkan melalui kaedah sulh adalah menepati hukum syarak dan undang-undang kerana berpandukan Arahan Amalan, Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Kaedah Tatacara Mal dan lain-lain garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- vi) Dua bentuk pelaksanaan Majlis Sulh-Marathon atau Berkala. Majlis Sulh marathon merujuk kepada Majlis Sulh yang dijalankan hanya dengan sekali panggilan atau perbincangan sahaja bersama pihak-pihak yang bertikai. Kebiasaannya ia hanya mengambil masa yang singkat dan merupakan pendekatan paling popular digunakan di Mahkamah Syariah. Majlis Sulh berkala pula merujuk kepada Majlis Sulh yang dilaksanakan lebih daripada sekali. Ia bergantung kepada budi bicara Pegawai Sulh dan kehadiran

pihak-pihak. Tempoh pelaksanaan Majlis Suhu berkala ini ialah dalam masa tiga bulan dan boleh dilanjutkan (sebaiknya) dengan membuat laporan ke mahkamah.

b) Rujukan Undang-undang Berhubung Amalan Suhu

Rujukan undang-undang yang utama berhubung amalan suhu di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak termaktub dalam Ordinan 44 Tahun 2001 Tatacara Mal Syariah Sarawak, Arahan-Arahan Amalan Mahkamah Syariah Sarawak, Manual Kerja Suhu Mahkamah Syariah/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri Seluruh Malaysia. Penganjuran suhu dalam penyelesaian pertikaian berhubung kes mal sememangnya dititik beratkan dan termaktub dalam seksyen 99 Ordinan Tatacara Mal Syariah Sarawak (2001):

“Pihak-Pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan suhu bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Undang-Undang Islam.”

Ini menunjukkan bahawa suhu boleh dilaksanakan pada mana-mana peringkat prosiding sebelum penetapan tarikh perbicaraan sesuatu kes bilamana terdapat kemungkinan munasabah bagi penyelesaian antara pihak-pihak yang bertikai. Kaedah pelaksanaan suhu pula adalah mengikut apa-apa kaedah yang telah ditetapkan atau jika tiada kaedah tertentu hendaklah dilaksanakan menurut undang-undang Islam/hukum syarak. Pelaksanaan suhu di Jabatan kehakiman Syariah Sarawak adalah berdasarkan Arahan-Arahan Amalan Mahkamah Syariah dan Manual Kerja Suhu Mahkamah Syariah/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri Seluruh Malaysia.

Perkara ini agak sedikit berbeda dengan sebilangan negeri di Malaysia seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai Kaedah Tatacara Mal (Suhu) masing-masing. Ini disebabkan Kaedah Tatacara Mal (Suhu) Sarawak belum lagi diwartakan. Diharapkan proses pewartaan Kaedah Tatacara Mal (suhu) tersebut menjadi kenyataan kerana ia amat penting dan diperlukan sebagai panduan yang komprehensif dalam memastikan gerak kerja yang lebih efisien, sistematik dan profesional dalam pelaksanaan amalan suhu di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. Dengan adanya kaedah tatacara suhu akan lebih memudahkan para pelaksana suhu khususnya pegawai-pegawai suhu untuk menjalankan tanggungjawab yang dipikul. Selain itu, pihak-pihak yang bertikai dan para peguam yang mewakili mereka juga akan mudah memahami

pelaksanaan sulh dengan merujuk pada satu sumber tatacara yang lengkap dan tersusun.

Pada dasarnya Mahkamah Syariah Sarawak seperti mana mahkamah syariah di seluruh Malaysia, mempunyai bidang kuasa untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan tiga kategori kes iaitu kes mal, kes jenayah dan kes faraid. Bidang kuasa kes mal Mahkamah Syariah amat luas yang merangkumi kesemua aspek kekeluargaan Islam. Sementara Majlis Sulh mempunyai bidang kuasa dalam pendengaran kes yang melibatkan tuntutan yang timbul dalam tempoh perkahwinan berlangsung dan tuntutan yang tercusus selepas perceraian. Arahan Amalan Mahkamah Syariah Sarawak No. 1 Tahun 2010 yang menyenaraikan jenis tuntutan yang boleh dikendalikan melalui kaedah Sulh adalah:

- | | |
|---|--|
| 1. Tuntutan ganti rugi pertunangan | 11. Tuntutan mengubah perintah hak jagaan anak/nafkah anak |
| 2. Tuntutan Mut'ah | 12. Tuntutan mengubah perjanjian hak jagaan anak/nafkah anak |
| 3. Tuntutan harta sepencarian | 13. Tuntutan hadhanah |
| 4. Tuntutan nafkah isteri | 14. Tuntutan ganti rugi perkahwinan |
| 5. Tuntutan nafkah pada pihak tidak upaya | 15. Tuntutan hak tempat tinggal |
| 6. Tuntutan cagaran nafkah | 16. Tuntutan supaya suami tinggal bersama semula |
| 7. Tuntutan nafkah eddah | 17. Tuntutan isteri kembali taat |
| 8. Tuntutan mengubah perintah nafkah | 18. Tuntutan mas kawin |
| 9. Tuntutan tunggakan nafkah | |
| 10. Tuntutan nafkah anak | |

Manakala terdapat perkara-perkara yang tidak termasuk dalam tuntutan Majlis Sulh adalah merangkumi:

- a) Kes-kes pembubaran perkahwinan
- b) Pengesahan Nasab
- c) Faraid
- d) Kes-kes *ex-parte*, iaitu permohonan yang dibuat sebelah pihak sahaja.
- e) Perkara yang telah dirujuk kepada Jabatan Bantuan Guaman Malaysia
- f) Kes-kes yang melibatkan salah satu pihak ghaib
- g) Kes-kes yang melibatkan pihak yang satu lagi bermastautin di luar Malaysia, tidak dapat masuk ke dalam bidang kuasa mahkamah yang berkenaan itu dalam masa tiga bulan selepas tarikh permohonan itu.

- h) Kes-kes melibatkan pihak yang dipohon dibuktikan menghidap penyakit otak yang tidak boleh sembuh atau melibatkan pihak yang memerlukan penjaga *ad litem*. Ia bermaksud untuk tujuan tindakan undang-undang sahaja. Penjaga *ad litem* bermaksud penjaga yang dilantik oleh mahkamah untuk bertindak mewakili kanak-kanak bawah umur atau orang yang tiada upaya dalam suatu prosiding. (legal-dictionary.thefreedictionary.com)
- i) Kes-kes di mana Pendaftar berpendapat Majlis Suhu tidak praktik dilaksanakan dalam kes yang dirujuk.

Melalui Majlis Suhu, mana-mana kes pembubaran perkahwinan yang difailkan akan dibicarakan dalam mahkamah manakala relif-relif berhubung perceraian perlu disalurkan melalui Majlis Suhu terlebih dahulu apabila pihak-pihak bertikai perlu berbincang untuk mencari jalan penyelesaian secara berdiplomasi dan rundingan tanpa campur tangan mahkamah. Secara amalannya di Mahkamah Syariah Bahagian Kuching, Majlis Suhu diadakan selepas perceraian. Majoriti kes yang dibawa ke Majlis sulu adalah kes yang berkaitan dengan tuntutan selepas perceraian seperti tuntutan nafkah idah, nafkah anak, tunggakan nafkah, harta sepencarian, hadanah dan lain-lain tuntutan yang berbangkit selepas perceraian. Manakala tuntutan dalam tempoh perkahwinan tidaklah begitu ‘popular’ namun ia tidak bermaksud tiada sama sekali. Tuntutan dalam tempoh perkahwinan biasanya berkaitan tuntutan perintah isteri kembali taat.

Setiap kali selepas perceraian diputuskan oleh mahkamah, pihak-pihak yang bertikai yang berhasrat membuat tuntutan hak-hak selepas perceraian akan diarahkan untuk menjalani sesi sulu yang akan dipengerusikan oleh seorang pegawai sulu. Permohonan akan dimajukan kepada pendaftar. Selepas pendaftar menerima sesuatu permohonan dari pihak-pihak terbabit, beliau akan menetapkan tarikh bagi pihak-pihak tersebut untuk menghadiri Majlis Suhu. Pendaftar juga akan menyiapkan dan menyampaikan notis panggilan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menghadiri Majlis Suhu yang bakal diadakan. Prosedur penyerahan notis menghadiri Majlis Suhu adalah seperti prosedur penyerahan saman/notis sebagaimana yang terdapat dalam Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001.

Antaranya cara penyampaian di bawah Seksyen 41 Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001:

“(1) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah disampaikan ke diri, dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman atau dokumen lain itu, atau

dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan suatu salinan saman atau dokumen lain itu kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen lain itu hendak di sampaikan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), suatu salinan yang mengandungi meterai Mahkamah dan tandatangan Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai suatu saman atau dokumen asal.

(3) Penyampaian sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah dilaksanakan oleh pegawai Mahkamah atau mana-mana orang lain”.

Perincian gerak kerja Majlis Sulh diperincikan dalam Manual Kerja Sulh agar sulh dapat dikendalikan secara efektif dan teratur. Antara lain ia menggariskan tentang tatacara perjalanan Majlis Sulh yang bermula dengan sesi taaruf antara pegawai Sulh dan pihak-pihak yang bertikai dimana Pegawai Sulh akan mempersilakan pihak-pihak terbabit mengambil tempat masing-masing dan memulakan majlis dengan bacaan Surah al-Fatiyah dan doa. Pegawai Sulh akan memaklumkan pihak-pihak yang terbabit tentang prosedur yang diguna pakai sambil meyakinkan pihak-pihak tentang proses sulh dan pegawai sulh. Pada peringkat inilah Pegawai Sulh akan berusaha menjalinkan hubungan dengan pihak-pihak terbabit bagi mewujudkan keselesaan sepanjang proses rundingan. Pihak-pihak yang terbabit juga digalakkan bertanya sebarang soalan kepada Pegawai Sulh untuk mendapat penjelasan lebih lanjut tentang proses sulh.

Selain itu, Pegawai Sulh juga akan menjelaskan bahawa matlamat sulh adalah untuk mencapai penyelesaian pertikai secara sukarela berdasarkan persetujuan mereka sendiri tanpa sebarang paksaan. Pada peringkat ini juga Pegawai Sulh akan menggariskan peraturan yang mesti dipatuhi sepanjang sesi sulh. Antaranya ialah semua pihak hendaklah bercakap mengikut giliran, apabila suatu pihak bercakap, pihak lain hendaklah mendengar dan memberi perhatian, apabila bercakap hendaklah dalam keadaan tenang dan tidak meninggikan suara, pihak-pihak hendaklah bercakap dan bertindak secara sopan dan tidak menyerang peribadi pihak lawan, pihak-pihak hendaklah membuat aku janji akan mematuhi peraturan-peraturan ini.

Pegawai Sulh juga akan meyakinkan para pihak akan kerahsiaan tentang perkara-perkara yang akan dibangkitkan sepanjang proses sulh. Peringkat awal ini juga boleh dinamakan sebagai ‘*opening statement*’ atau kenyataan awal oleh Pegawai Sulh. Peringkat ini amatlah penting untuk meraih kepercayaan pihak-pihak terbabit terhadap proses sulh dan Pegawai Sulh itu sendiri. Kemahiran serta keterampilan dari seorang Pegawai Sulh amat diperlukan pada peringkat

memberi kenyataan awal. ‘*Opening Statement*’ atau kenyataan awal yang baik dan bernes akan memberi nilai positif dalam proses sulu.

Peringkat seterusnya adalah pembentangan pihak-pihak yang bertikai dimana plaintif/pemohon dan defendant/responden akan diberi kesempatan untuk membentangkan apa-apa yang dipertikaikan beserta kesan yang akan timbul dan apa-apa cadangan untuk menyelesaiannya. Setelah mendengar pembentangan dari kedu-dua belah pihak yang bertikai, Pegawai Suluh akan membentuk satu peta konflik untuk mengenal pasti skop pertikaian antara kedua-dua pihak yang bertikai. Selain menyenaraikan perkara-perkara yang dipertikaikan dalam peta konflik, Pegawai Suluh juga akan mengenal pasti punca timbulnya konflik tersebut, hambatan-hambatan yang ada atau dirasakan terhadap penyelesaian dan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai penyelesaian. Inisiatif dan kreativiti Pegawai Suluh dalam memetakan konflik dan mencari solusi amat dituntut demi menjadikan perbincangan menjadi lebih selesa dan menarik perhatian pihak yang bertikai. Sebagai contoh Pegawai Suluh boleh menggunakan papan putih dalam menyusun dan menyenaraikan isu atau masalah yang perlu diselesaikan, kedudukan pihak-pihak yang bertikai, kepentingan dan keperluan mereka serta alternatif atau opsyen penyelesaian. Dengan kaedah ini, pihak-pihak yang bertikai akan mendapat gambaran yang lebih jelas terhadap isu-isu yang akan diperbincangkan.

Setelah pemetaan masalah dilakukan Pegawai Suluh akan meminta cadangan daripada para pihak yang bertikai untuk menentukan manakah isu yang menduduki keutamaan untuk diperbincangkan terlebih dahulu. Kemudian Pegawai Suluh akan menjelaskan penilaiannya dan mengajak pihak-pihak terbabit berbincang tentang kekuatan dan kelemahan masing-masing dalam kes berkaitan dan memujuk mereka menerima penilaiannya. Sekiranya kedua-dua pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan pertikaian mereka sepenuhnya, Pegawai Suluh akan menyediakan satu deraf perjanjian penyelesaian yang merangkumi semua isu yang dipertikaikan. Sebaliknya jika pihak-pihak bertikai hanya bersetuju menyelesaikan sebahagian besar pertikaian mereka dan rela menggugurkan selebihnya, satu deraf merangkumi persetujuan akan disediakan. Jika berlaku keadaan dimana kedua-dua pihak terbabit sepakat terhadap sebahagian dari pertikaian sahaja, manakala selebihnya mereka tidak bersetuju menggugurkannya, Pegawai Suluh juga boleh menyediakan deraf perjanjian penyelesaian merangkumi perkara yang telah dipersetujui. Perkara-perkara lain yang masih dipertikaikan, andainya masa untuk sulu tidak ada lagi ataupun pihak-pihak berkenaan tidak mahu meneruskan sulu, Pegawai Suluh akan merujuk perkara tersebut kepada Pendaftar untuk dibawa terus ke mahkamah untuk dibicarakan.

Selain sesi perbincangan bersama, jika Pegawai Sulh berpuas hati kedua-dua pihak tidak mencapai persetujuan bersama, pertemuan sebelah pihak atau kaukus juga boleh dilaksanakan. Kaukus juga boleh dilaksanakan atas permintaan pihak-pihak terbabit. Ini kerana boleh jadi ada diantara pihak-pihak yang merasa agak kurang selesa menyampaikan perkara-perkara yang dipermasalahkan dihadapan pihak yang satu lagi. Dalam situasi ini Pegawai Sulh hendaklah peka terhadap bahasa badan dan tingkahlaku pihak-pihak yang tampil dihadapannya. Seorang Pegawai Sulh yang berpengalaman dan berkemahiran akan cepat peka akan keperluan klienya kepada sisi kaukus. Dalam sesi ini pertemuan akan dijalankan menurut giliran yang ditetapkan. Dalam sesi ini antara ikhtiar yang dilakukan oleh Pegawai Sulh ialah mengingatkan semula secara terperinci dan tersusun masalah yang dihadapi supaya lebih mudah dikenal pasti dan difahami. Pegawai Sulh akan cuba mengumpulkan semua idea penyelesaian terhadap konflik yang dihadapi. Pegawai Sulh juga akan lebih banyak mendengar bagi menggalakkan pihak-pihak terbabit menjana idea dari buah fikiran mereka sendiri.

Setelah pertemuan kedua-dua belah pihak (kaukus) Pegawai Sulh kemudian akan mengundang kedua-dua pihak untuk berbincang dalam sessi perundingan secara langsung antara satu sama lain. Matlamat perundingan bersama ini ialah mencapai penyelesaian secara damai berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak secara sukarela. Sekiranya perundingan bersama pusingan pertama atau pusingan awal belum mendatangkan hasil yang diharapkan, manakala pegawai sulh masih yakin penyelesaian secara damai bukan satu perkara yang mustahil, pegawai sulh boleh memulakan pusingan kedua dan seterusnya pertemuan sebelah pihak diikuti dengan perundingan bersama.

Di akhir prosedur sulh, Pegawai Sulh akan memutuskan sama ada sulh yang dijalankan berjaya sepenuhnya atau tidak. Sekiranya sulh berjaya, Pegawai Sulh akan membuat satu deraf perjanjian penyelesaian kedua-dua belah pihak. Pegawai Sulh akan memestikan perjanjian tersebut tidak bertentangan dengan Hukum Syarak atau Undang-Undang yang berkaitan. Selain itu bagi pihak-pihak yang diwakili peguam, mereka dibenarkan merujuk kepada peguam masing-masing sebelum perjanjian tersebut ditandatangani. Dalam keadaan ini, pihak-pihak pihak-pihak masih berpeluang untuk mengubah draf perjanjian tersebut kerana belum ditandatangani, namun pihak-pihak yang bertikai akan dinasihati oleh Pegawai Sulh supaya tidak dipengaruhi oleh orang lain dalam membuat keputusan.

Sekiranya penyelesaian sepenuhnya tidak tercapai tetapi kedua-dua pihak bersetuju meyelesaikan sebahagian sahaja pertikaian mereka, Pegawai

Sulh hendaklah mempastikan apakah mereka mahukan perkara-perkara yang disetujui itu direkodkan dalam satu Perjanjian Penyelesaian, manakala selebihnya diserahkan kembali kepada mahkamah untuk dibicarakan ataupun keseluruhan kes itu diserahkan kembali untuk pengadilan.

Menurut amalan, apabila perjanjian tersebut dibawa kehadapan hakim untuk dikeluarkan sebagai perintah, maka hakim akan mengemukakan soalan kepada pihak-pihak yang terabit sama ada mereka benar-benar bersetuju terhadap perjanjian yang telah dibuat semasa sesi sulh. Justeru pihak-pihak masih mempunyai peluang untuk tidak bersetuju terhadap perjanjian persetujuan yang telah ditandatangani dan berhak menarik balik persetujuan itu.

3. Analisis Jenis Tuntutan dalam Majlis Sulh

Berdasarkan rekod pengurusan amalan sulh di Unit Sulh JKSS, Bahagian Kuching, pengendalian kes-kes sulh boleh dikelompokkan kepada dua kategori, iaitu kategori kes berjaya dan kategori kes tidak berjaya. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

a) Kategori Kes Berjaya

Pelbagai kes boleh dirujuk bagi menerangkan prosedur amalan sulh di Mahkamah Syariah. Proses sulh berjaya adalah seperti kes bernombor 43001-01-021-0026-2014. Dalam kes ini plaintif dan defendant telah bercerai pada bulan desember 2013 dengan talak satu di Mahkamah Rendah Syariah Kuching. Plaintiff telah menuntut nafkah idah sejumlah RM500.00 sebulan selama tiga bulan. Tuntutan dibuat melalui peguam dan Mahkamah mengeluarkan notis untuk memerintahkan pihak-pihak yang bertikai ke Majlis Sulh. Dalam sesi sulh yang dijalankan defendant tidak bersetuju dengan tututan kerana tidak mampu. Rundingan seterusnya dibawa ke sesi kaukus.

Dalam sesi tersebut plaintif berhasrat untuk menaikkan tuntutan sebanyak RM1500.00 sebulan. Defendant tetap tidak mampu membayar dalam jumlah tersebut dan memohon jumlah dikurangkan. Pada sesi bersama plaintiff bersetuju dengan jumlah RM350.00, namun pada akhirnya jumlah yang dipersetujui adalah RM150.00 sebulan disebabkan defendant menyatakan beliau bukannya tidak mahu membayar tetapi memang benar-benar tidak mampu untuk memenuhi jumlah yang dituntut oleh plaintif kerana pendapatannya yang minimum. Disini kita melihat keberkesanan rundingan melalui Majlis Sulh dimana jumlah yang dituntut pada awalnya sebanyak RM1500.00 namun

atas rundingan dan pertimbangan kedua-dua belah pihak jumlah tersebut dapat dikurangkan. Disini, peranan yang amat penting dimainkan oleh Pegawai sulh sebagai pemudah cara bagi kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan. Selain itu sesi kaukus juga dimanfaatkan oleh Pegawai Sulh untuk mencari jalan penyelesaian bagi kedua-dua pihak.

Penyelesaian nafkah idah melalui rundingan di Majlis Sulh juga telah dipersejui dalam kes bernombor 43001-01-024-0024-2014. Dalam kes ini pasangan telah bercerai pada Disember 2013. Plaintiff melalui peguamnya menuntut nafkah idah yang tidak ditunaikan daripada defendant sebanyak RM400.00 sebulan. Kedua-dua pihak hadir di Majlis Sulh pada 24/4/2014. Pada sesi sulh, defendant menyatakan beliau tidak mampu membayar seperti yang dikehendaki oleh plaintiff. Hasil daripada rundingan, akhirnya pihak-pihak terbabit bersetuju dengan jumlah sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh defendant kepada plaintiff.

Selain nafkah idah, antara perkara yang sering dituntut oleh pihak-phak yang bertikai setelah perceraian adalah nafkah anak. Kes yang berjaya diselesaikan melalui sulh berhubung nafkah anak boleh dilihat dalam kes bernombor 43001-01-024-0013-2015. Dalam kes ini palintif dan defendant telah bercerai pada 14/2/2011. Pasangan tersebut telah dikurniai seorang cahayamata. Plaintiff menuntut perintah nafkah anak melalui peguam. Tuntutan dibuat di Mahkamah Rendah Syariah untuk tuntutan nafkah anak memandangkan tiada perintah sebarang perintah dikeluarkan sebelumnya. Plaintiff khawatir defendant mengabaikan tanggungjawab. Plaintiff memohon agar defendant difardhukan membayar sebanyak RM400. Plaintiff menuntut agar pembayaran dibuat melalui tahanan pendapatan tenaga (s. 81 OUUKI 2001). Pada sesi sulh yang diadakan pada 7/1/2016, defendant bersetuju membayar nafkah sebanyak RM450.00 sebulan dan dimasukkan terus ke akaun plaintiff.

b) Kategori Kes Tidak Berjaya

Selain kes-kes yang berjaya didamaikan melalui proses sulh, tidak kurang juga kes-kes yang tidak berjaya, yakni kes yang terpaksa diputuskan di hadapan Hakim Mahkamah Syariah. Kebanyakan kes-kes yang tidak berjaya diselesaikan secara sulh adalah disebabkan tiada persetujuan dari kedua-dua belah pihak atau para pihak gagal menghadirkan diri ke Majlis Sulh.

Dalam kes bernombor 43001-01-062-0014-2014m plaintiff melalui peguamnya membuat tuntutan "isteri kembali taat" terhadap isterinya pada 24/3/2014 di Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Kuching. Plaintiff dan defendant dikurniakan dua orang anak. Palintif mendakwa defendant

meninggalkan rumah tanpa keizinannya dan tanpa alasan yang munasabah sejak 17/3/2014. Mahkamah meluluskan tuntuan plaintif tersebut. Kedua-dua pihak diperuntahkan hadir ke Majlis Suhu pada 14/4/2014. Pada sesi sulu, plaintif memohon agar defendant kembali taat kerana masih menyanyangi defendant. Defendant pula enggan berbuat demikian kerana merasa tidak selamat tinggal serumah bersama plaintif kerana plaintif melakukan kekerasan terhadapnya. Selain itu menurut defendant, plaintif pernah menuduhnya mempunyai hubungan sulit yang disangkal oleh defendant. Pada sesi sulu kedua pada 28/4/2014 defendant masih tetap dengan pendirian tidak mahu kembali kepangkuhan plaintif dan memfailkan perceraian. Proses sulu gagal atas sebab tiada persetujuan.

Seterusnya dalam kes bernombor 43001-01-062-0015-2014, dalam tuntutan “isteri kembali taat”, plaintif menyatakan bahawa defendant tidak taat tanpa sebab yang munasabah dalam hukum syarak. Defendant enggan untuk tinggal bersama plaintif kerana telah mendakwa plaintif setelah melafazkan talak terhadapnya, sedangkan perkara tersebut (talak) telah diputuskan tidak sah oleh mahkamah. Plaintiff beralasan tidak mahu berpisah dengan isteri dan anak-anak. Plaintiff menjelaskan lagi bahawa beliau tidak pernah melalaikan kewajipan disepanjang tempoh perkahwinan mereka. Kedua-dua pihak diperintahkan hadir ke Majlis Suhu pada 14/4/2014. Pada sesi sulu, didapati masalah dalam rumah tangga adalah berpunca dari perselisihan faham akibat tekanan kerja dan anak-anak. Defendant mendakwa plaintiff pernah bergaduh dengan anak sulung dan akibat dari kejadian tersebut beliau terpaksa keluar rumah untuk menenangkan fikiran sejak 12/2/2014. Plaintiff memujuk defendant untuk kembali tinggal serumah dan hidup sebagai suami isteri seperti sediakala. Defendant tetap berkeras enggan meneruskan perkahwinan. Plaintiff memohon agar kes dibawa untuk sebutan di mahkamah. Proses sulu gagal atas sebab tanpa persetujuan.

Dalam kes tuntutan nafkah anak, kes bernombor 43100-02-024-0004-2016, Palintif dan defendant yang telah bercerai pada 2/9/2015 dan dikurniai enam orang anak. Plaintiff mendakwa tiada perintah berkenaan nafkah dikeluarkan. Plaintiff mendakwa dirinya telah dinafikan akses untuk melawat anak-anak yang berada dibawah defendant. Plaintiff merasa risau akan kebajikan anak-anak dan memohon kepada mahkamah agar defendant diperintahkan membayar nafkah sebanyak RM1500.00 sebulan untuk ana-anak dan jumlah tersebut akan meningkat mengikut keperluan semasa. Pembayaran tersebut hendaklah melalui potongan gaji. Selain itu defendant juga dituntut untuk menanggung kos awal persekolahan anak-anak dan kos perayaan aidilfitri. Dalam pada itu juga plaintiff turut menuntut hak hadhanah/penjagaan anak. Pada sesi sulu yang berlangsung pada 27/1/2015, plaintiff menegaskan sekali lagi bahawa beliau

telah dinafikan hak untuk melawat anak-anak selama dibawah penjagaan defendant. Manakala di pihak defendant, defendant beralasan jika anak-anak berpindah ke penjagaan plaintiff, akan mengakibatkan gangguan emosi terhadap anak-anak. Defendant juga tidak bersetuju dengan tuntutan nafkah kerana tidak mampu. Defendant mahu kes diteruskan ke mahkamah. Proses sulh gagal atas sebab tiada persetujuan.

Manakala dalam kes ketidakhadiran para pihak ke Majlis Sulh, seperti dinyatakan di awal pembahasan, sulh akan dianggap sebagai tidak berjaya. Seperti dalam kes bernombor 43001-02-018-0006-2014, Palintif dan defendant telah berkahwin pada 20/12/1987 dan dikurniai empat orang anak. Plaintiff mendakwa defendant telah gagal menunaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan mengabaikan nafkah. Plaintiff menuntut defendant membayar nafkah sebanyak RM200.00 sebulan melalui potongan gaji. Kedua-dua pihak diperintahkan ke Majlis Sulh pada 24/3/2014. Defendant tidak hadir sebanyak tiga kali. Di atas ketidakhadiran tersebut, proses sulh gagal. Kes diserahkan kepada mahkamah untuk sebutan.

Situasi yang sama juga berlaku dalam kes bernombor 43001-02-024-007-2014 dimana plaintiff menuntut nafkah untuk dua orang anak dari defendant. Menurut plintif defendant tidak mempunyai sebarang alasan untuk tidak membayar nafkah kerana beliau berpendapatan tetap. Dalam tuntutan, plaintiff menuntut dari defendant untuk membayar sebanyak RM500.00 sebulan untuk dua orang anak. Defendant gagal menghadirkan diri di Majlis Sulh tanpa alasan yang munasabah. Proses sulh gagal atas ketidakhadiran salah satu pihak.

Selain ketidakhadiran salah satu pihak, terdapat juga situasi dimana kedua-dua pihak tidak hadir ke Majlis Sulh tanpa sebab yang munasabah. Contohnya dalam kes bernombor 43001-062-0013-2014, tuntutan isteri kembali taat. Dalam kes tersebut, plaintiff mendapati defendant berlaku curang dengan menjalin hubungan sulit. Plaintiff mengetahui kecurangan tersebut melalui foto-foto di media sosial (Facebook). Plaintiff menyatakan pernah menasihati defendant tetapi defendant enggan akur. Plaintiff mengemukakan tuntutan isteri kembali taat dan sabutan nusyuz. Kedua-dua pihak diperintah hadir ke Majlis Sulh namun gagal menghadirkan diri dua kail iaitu pada 1/4/2014 dan 24/4/2014. Proses sulh tidak berjaya atas ketidakhadiran.

Dalam kes bernombor 43001-01-081-0007-2015, plaintiff menuntut nafkah sara diri dari defendant. Kedua-dua pihak tinggal berasingan dan kos sara diri plaintiff ditanggung olehnya sendiri. Menurut plaintiff, defendant yang telah berpoligami dan khuatir defandan mengabaikan nafkahnya sebagai isteri. Plaintiff juga berpendapat defendant seharusnya mampu memberi nafkah sara diri tersebut kerana beliau berpendapatan tetap. Dengan itu plaintiff memohon

kepada mahkamah melalui peguamnya agar defendan membayar nafkah sara diri sebanyak RM1000.00 setiap bulan dan perintah pembayaran hendaklah melalui tahanan pendapatan tenaga defendan ke akaun bank plaintif. Pada 17/9/2015 kedua-dua pihak hadir ke Majlis Sulh dan persetujuan telah dicapai dimana defendan hanya membayar RM500.00 sebulan untuk nafkah sara diri plaintif. Terma perjanjian penyelesaian telah di draf. Namun pada sesi seterusnya iaitu pada 8/12/2015, kedua-dua pihak yang sepatutnya hadir untuk menandatangani perjanjian gagal menghadirkan diri. Kes kemudia diserahkan ke mahkamah untuk sebutan. Proses sulh tidak berjaya atas ketidakhadiran para pihak.

Daripada kes-kes yang disebut di atas, keberhasilan proses sulh di Mahkamah Syariah memerlukan dua elemen, yang pertama kerjasama dan kesediaan daripada para pihak yang terbabit untuk hadir menjalani proses sulh dengan penuh kerelaan dan keterbukaan manakala yang kedua semestinya kesiapan fizikal dan emosi pegawai sulh yang sudah pasti akan berhadapan dengan pelbagai karakter para pihak dalam mengendalikan Majlis Sulh tersebut. Tanpa kedua-dua elemen ini proses sulh tidak akan berfungsi seperti yang diharapkan yakni sebagai salah satu medium untuk mencapai perdamaian.

4. Analisis Terhadap Aspek Pentadbiran Unit Sulh JKSS

Pentadbiran Unit Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Kuching mempunyai bilangan Pegawai Sulh yang sangat minimum iaitu hanya dua orang pegawai. Mereka terdiri daripada Tuan Awang Indera sebagai Ketua Unit Sulh dan Puan Noorsilawati binti Jamahari sebagai Pegawai Sulh. Jumlah ini amatlah tidak seimbang dengan beban tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka. Ditambah lagi dengan tumpukan kes-kes yang perlu diselesaikan bukan hanya di Bahagian Kuching malah mereka juga bertanggungjawab untuk mengendalikan sesi sulh di luar bahagian Kuching akibat daripada kekurangan pegawai Sulh yang berkelayakan di Bahagian-Bahagian lain.

Berbanding dengan Pegawai Sulh di Negeri-negeri lain, jumlah Pegawai Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak agak ketinggalan dari segi jumlah Pegawai Sulh yang berkelayakan. Salah satu inisiatif yang dilakukan di Bahagian-bahagian selain Bahagian Kuching yang tidak mempunyai Pegawai Sulh yang berkelayakan pada setakat ini ialah ada kalanya sesi sulh dikendalikan oleh Hakim Syarie yang bertindak menjalankan peranan sebagai Pegawai Sulh. Perkara ini menyebabkan seolah-olah tiada pengkhususan yang sepenuhnya dalam pengendalian sesi sulh di Mahkamah Syariah, apatah lagi

melihat kepada kredibiliti seseorang Hakim Syarie yang perlu dijaga supaya tidak terheret dalam perkara-perkara yang kurang produktif.

Selain itu, jadual sesi Majlis Sulh yang padat juga sedikit sebanyak akan mempengaruhi efisiensi atau kelancaran sesi sulh. Pegawai Sulh tidak hanya fokus pada kes-kes di satu Bahagian sahaja tetapi mereka juga terpaksa memberi perhatian pada kes-kes atau sesi-sesi di Bahagian yang lain. Sebagai contoh Pegawai Sulh di Jabatan Kehakiman Bahagian Kuching akan dikehendaki ke Bahagian Bintulu untuk mengendalikan sesi sulh berpunca daripada kekurangan Pegawai Sulh. Sudah semestinya keadaan ini akan menimbulkan kesukaran jika salah seorang Pegawai Sulh tersebut tidak dapat menghadirkan diri disebabkan halangan-halangan tertentu seperti masalah kesihatan, kursus dan seminar serta urusan peribadi seperti urusan keluarga dan lain-lain. Natijahnya, besar kemungkinan besar sesi sulh tersebut terpaksa ditunda ke tarikh yang lain.

Selain itu, limitasi kewangan juga memberi impak pada kelancaran sesi sulh. Ini kerana bajet kewangan yang terhad menyebabkan Pegawai Sulh yang berkelayakan tidak dapat mengendalikan sesi sulh di Bahagian selain Kuching.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya artikel ini mencapai ketiga-tiga objektifnya. Hasilnya artikel ini merumuskan tiga dapatan utama. Artikel ini merumuskan kaedah sulh telah berjaya dibangunkan berasaskan sumber dari al-Quran, al-Sunnah dan khazanah perundangan Islam yang berkembang dari zaman ke zaman. Artikel ini juga mendapatka kaedah sulh diupayakan sebagai salah satu kaedah dalam Resolusi Pertikaian Artenatif di luar mahkamah dengan memuktamadkan persetujuan bersama dalam proses yang lebih ringkas dan mudah berasaskan '*win-win solution*'. Artikel ini juga mengesahkan kepentingan aspek penghususan dalam bidang tugas perjawatan sebagai Pegawai Sulh terutamanya pemantapan kemahiran-kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, psikologi dan kaunseling.

Adalah diharapkan perbincangan-perbincangan dan dapatan-dapatan dari kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak khususnya para akademia dan pengamal undang-undang Islam serta masyarakat awam secara umumnya. Ia juga bertujuan bagi memertabatkan institusi perundangan Islam dalam menjamin keadilan ditegakkan. Jelaslah bahawa peruntukan seksyen mengenai sulh ini adalah bertujuan mengawal kehidupan manusia selain menjamin kepada pihak yang terlibat dalam pertikaian.

RUJUKAN

- A. Ahmad *et. al* (2015), “Hak penyertaan kanak-kanak dalam prosiding sulu (mediasi) di Mahkamah Syariah”, *Journal of Advanced Research Design*. Vol. 15, No. 1, 1-14.
- Abdul Kahar Syarifuddin (2015), *Efektivitas mediasi dalam perkara perceraian di Pengadilan Agama Baubau*. Skripsi Pascasarjana UIN Alauddin Makassar.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka) (1983), *Tafsir Al-Azhar*, Juzu’ 4, Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak (AAKHSS), No. 3 Tahun 2002, AAKHSS, No. 1 Tahun 2010, AAKHSS, No. 4 Tahun 2006, No. 5 Tahun 2006. Dipetik dari laman sesawang (www.syariah.sarawak.gov.my)
- Aseel al-Ramahi (2008), *Sulh: A Crucial Part of Islamic Arbitration*, <http://eprints.lse.ac.uk/24598/1/WPS2008>.
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, “Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Terengganu)”
- Farah Nur Anggraeni (2013), *Tinjauan hukum Islam terhadap praktik mediasi dalam menanggulangi angka perceraian di Pengadilan Agama Wonosobo Tahun 2012*. Skripsi Fakultas Syari’ah dan Hukum. UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim, & Intan Nadia Ghulam Khan (2012), “Krisis rumah tangga: punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif Syariah dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984”, *Kajian Syariah dan Undang-undang Siri 4*. Vol. 4. 68-85.
- Hammad Mohamad Dahalan (2014), *Pengurusan sulh: Peranan, Pelaksanaan Dan keberkesanannya Oleh Pegawai Sulh*, <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2014/12/081-PENGURUSAN-SULH.pdf>
- Hammad Mohamad Dahalan dan Mohamad Azhan Yahya (2016), “Perjanjian sulh di antara pihak-pihak bertikai di Mahkamah Syariah sebagai pilihan atau persetujuan yang perlu dipatuhi?”, Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016. 22 & 23 November 2016. Dipetik dari pautan: <http://conference.kuis.edu.my/mfffc/images/e-proceeding/2016/254-261-mfffc-2016.pdf>
- Hanis Wahed (2015), *Sulh: Its Application In Malaysia*, <http://iosrjournals.org>.
- Ibnu Manzur, Jamal Al-Din Muhammad Ibn Mukram, (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.

- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (2021), “Pengenalan kepada Sistem Sulh”. Dipetik dari laman sesawang JKSNS di alamat: <http://sabah.jksm.gov.my/peranan-majlis-sulh/>
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (2021), “Sulh”. Dipetik dari laman sesawang JKSNS di alamat: <https://jksns.ns.gov.my/en/perkhidmatan/sulh-mediation>
- Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (2021), “Sulh”. Dipetik dari laman sesawang JKSP di alamat: <https://jksp.pahang.gov.my/index.php/fungsi-jabatan-bahagian/>
- Majid Rahman dan Azlina Azizan (2021), *Di Sebalik Tabir Majlis Syura*. Shah Alam: Akademi NLP Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohammaed Abu Nilmer. *A Framework For Nonviolence And Peace Building In Islam*, Journal of Law and Religion, Vol. 15, No. 1/2 (2000-2001), pp. 217-265, <http://www.jstor.org/stable>.
- Mohd Fuad Mohd Salleh dan Jamilah Othman (2015), *Peranan Pegawai Sulh Dalam Penyelesaian Konflik Keluarga Islam*, <http://www.academia.edu/2492485>.
- Mohd Norman Shah bin Mohd Yaziz (2008), *Pelaksanaan sulh dalam penyelesaian sengketa hadhanah (studi kasus di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan)*. Skripsi Fakultas Syariah dan Hukum. UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Mohd. Foad Sakdan (2005). *Pengurusan krisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad al-Raziy Fakhr al-Din Ibn al-‘Allamah Dhiya’ al-Din ‘Umar (1981), *Tafsir al-Fakhr al-Raziy*, Jil. 30. T.tp: Dar al-Fikr.
- Muhammad Saifullah (2015), *Effektitas Mediasi Dalam Penyelesaian Perkara Perceraian Di Pengadilan Agama Jawa Tengah*, <http://journal.walisongo.ac.id/index.php/ahkam/article/vi>
- Nadia Murshida Abd Azzis dan Alias Azhar (2018), “Pendekatan mediasi dalam tuntutan hadanah: kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang”, *International Journal of Law, Government and Communication*. Volume: 3 Issues: 9 [June, 2018] pp.36-45]
- Nora Abdul Hak (2008), *Role Of Conciliatory Committee And Hakam (Arbitrator): The Practice And Provisions Of The Islamic Family Law In Malaysia*, <http://www.lib.iium.edu.my>.
- Norjihan Ab Aziz & Nasima Hussin (2016). *Application of Mediation In Islamic Criminal Law*, <http://e-journal.um.edu.my/public/article-view>.

- Nur Khalidah Dahlan *et. al* (2017), “Kaerah penyelesaian pertikaian alternatif dari sudut Syariah di Malaysia”, *JONUS: Journal of Nusantara Studies* 2017, Vo. 2(1) 86-98
- Norsilawati binti Jamari (2017), Sesi Temubual 1, 25/5/2017
- Portel rasmi E-Syariah (2021), “Proses Pengendalian Majlis Sulh Di Mahkamah Syariah”. Dipetik dari laman sesawang di alamat: <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan/Portal%20E-Syariah%20Sulh/Portal%20E-Syariah%20Pengendalian%20Sulh>
- Raihanah Abdullah (2009), *Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian*, <http://e-journal.um.edu.my/public/article-view>.
- Raihanah Azahari (2004), *Kaedah menyelesaikan Pertikaian Keluarga Dalam Masyarakat Melayu Zaman Pra dan Pasca Kolonial*, [www.e-journal.um.edu.my/public/article-view](http://e-journal.um.edu.my/public/article-view).
- Raihanah Azahari (2006), *Modifikasi Teori Sulh Dalam Fiqh Klasik Berasaskan Data-Data Kajian Terbaru*, http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/24074/Article_9.PDF.
- Raihanah Azahari (2008). *Sulh Dalam Kes Kekeluargaan Islam*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ramizah Wan Muhammad (2005). *Sulh Sebagai Alternatif Penyelesaian Kes di Mahkamah Syariah*, dalam *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, diedit oleh Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal, Farid Sufian Shuaib, 128. Ampang/Hulu Kelang: Dawama Sdn Bhd,
- Rusli Ahmad *et. al* (2014), *Conducting research in social sciences and management studies*. Kuching: RS Publishing House.
- Sa’odah Ahmad & Nora Abdul Hak (2010). *Family Mediation And Sulh: An Alternative Dispute Resolution In Malaysia*, <http://www.academia.edu/20817384>.
- Said Bouheroua (2008), *Foundation of mediation in Islamic law and its contemporary application*. Dipetik daripada pautan laman sesawang di alamat: <http://www.asiapacificmediationforum.org/resources/2008/11-Said.pdf>
- Sayid Qutb (1992), *Tafsir fi Zhilalil Qur'an*, Beirut: Darul-Syuruq.
- Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Cet. Ke 13, Kuala Lumpur: Darul Fikir.

- Sheikh Ghazali b Haji Abdul Rahman. 2000. “Sulh Dalam Perundangan Islam”, *Jurnal Undang-undang IKIM*. Vol. 4, No. 2, Julai-Disember 2000.
- Siti Noraini Binti Haji Mohd Ali & Zulkifli Hasan (2008), *Perlaksanaan Sulh dan keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor*, <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/07/sulh-di-mahkamah-syariah.pdf>.
- The Free Dictionary by Farlex (2021). Diakses di alamat sesawang: legal-dictionary.thefreedictionary.com
- Wahbah al-Zuhayli (1990), *al-Fiqh al-Islamoi wa Adillatuh*. Dimashq: Dar al- Fikr.
- Wan Azimin Wan Adnan dan Ahmad Hidayat Buang (2019), “Pelaksanaan *sulh* dalam kes melibatkan tuntutan harta tanah orang-orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia: tinjauan terhadap kajian lepas”, *Journal of Shariah Law Research (JSLR)*. Vol. 4 (1) 27-54.
- Zainul Rijal Abu Bakar (2011), *Sulh In The Malaysian Syariah Court*, <http://barcouncil.org.my/conference1>.

